From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SQS UUM PERKUKUH JALINAN KERJASAMA PENYELIDIKAN BERSAMA DR. AISHAH SOLUTION SDN. BHD.
Date: Sunday, 20 September, 2026 3:15:56 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Dr. Nur Azulia Kamarudin
Gambar oleh: Dr. Nurul Nazihah Hawari

SQS UUM PERKUKUH JALINAN KERJASAMA PENYELIDIKAN BERSAMA DR. AISHAH SOLUTION SDN. BHD.



UUM ONLINE: Sungai Petani - Kumpulan penyelidik dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan lawatan kali kedua ke Dr. Aishah Solution Sdn. Bhd. (DASSB) bagi memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara pihak akademia dan industri dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Dr. Aishah Solution Sdn. Bhd., yang diasaskan oleh Dr. Aishah Tul Radziah merupakan syarikat yang memfokuskan kepada pembangunan produk makanan sihat serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri makanan, selaras dengan misi *Creating Healthy Lifestyle*.

Usaha ini turut membuka ruang kepada kerjasama penyelidikan yang menghubungkan kepakaran akademik dengan keperluan industri

dan kesejahteraan masyarakat.

Lawatan yang disertai oleh Prof. Madya Dr. Rosshairy Abd. Rahman, Dr. Mohammad Zukuwwan Zainol Abidin, Dr. Nurul Nazihah Hawari dan Dr. Nur Azulia Kamarudin ini merupakan kesinambungan daripada perbincangan awal antara kedua-dua pihak.

Perbincangan kali kedua memberi tumpuan kepada pemantapan pelaksanaan projek penyelidikan serta penggunaan menu DASSB dalam projek yang dirancang.

Sebagai langkah memperkukuhkan komitmen kerjasama, pemeteraian *Non-Disclosure Agreement* (NDA) telah disempurnakan oleh Dr. Aishah Tul Radziah

bersama kumpulan penyelidik SQS UUM. Pemeteraian ini menandakan satu perkembangan penting dalam membina asas perkongsian maklumat dan pelaksanaan penyelidikan secara lebih tersusun.

Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Rosshairy berkata, kerjasama akademia–industri ini membuka peluang untuk mengaplikasikan kepakaran penyelidikan dalam menangani keperluan sebenar industri, di samping menyokong usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemakanan sihat.

“Melalui penggunaan menu DASSB dalam projek penyelidikan ini, kami berharap dapat menghasilkan dapatan berasaskan bukti yang memberi nilai kepada industri dan masyarakat.

“Kerjasama ini juga berpotensi dikembangkan melalui penerokaan bidang penyelidikan dan inovasi bersama pada masa akan datang, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, kerjasama ini mengangkat nilai kesejahteraan, daya cipta dan kemampanan melalui penerapan ilmu, inovasi serta perkongsian kepakaran akademia–industri,” katanya.

Kedua-dua pihak berharap kerjasama ini dapat diperkukuh dalam jangka pendek dan panjang melalui pelaksanaan projek penyelidikan semasa serta penerokaan kolaborasi baharu yang menyokong penghasilan penyelidikan relevan dan memberi manfaat kepada industri serta komuniti.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.